

Newspaper	SelangorKini
Date	1 April 2016

Tumpu reformasi institusi, bukan sekadar tukar Najib Razak

Selangorkini - 1/4/2016

sebenarnya.

SHAH ALAM - Rakyat diminta memberi tumpuan kepada pembaharuan institusi dan bukan sekadar pertukaran Perdana Menteri semata-mata.

Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rakyat perlu bersatu mendesak perubahan kepada sistem negara demi kebaikan bersama.

"Saya harap rakyat Malaysia akan terus mendesak pembaharuan institusi, perubahan dalam sistem kehakiman dan perubahan lain yang

"Bukan sahaja perubahan personaliti," katanya memetik portal Malaysiakini.

Anwar berkata demikian ketika ditanya sama ada perubahan dalam kepimpinan negara dengan menukar Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri adalah memadai.

Beliau diiringi keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur oleh pengawal Jabatan Penjara selepas mewakili dirinya dalam permohonan semakan kehakiman terha-

dap keputusan Lembaga Pengampunan yang menolak permohonannya mendapatkan pengampunan ekoran kes Fitnah II.

Pada 27 Mac lalu, mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden Keadilan, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan pemimpin DAP, Lim Kit Siang berganding bahu menuntut perletakan jawatan Najib.

Ia susulan keadaan semasa negara dan implikasi Najib terpalit dalam skandal derma RM2.6 billion.